



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS WACANA PENULISAN KARANGAN DALAM KALANGAN MURID BAHASA KEDUA

NORFAIZAH ADBUL JOBAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FASAFAH (PENDIDIKAN BAHASA MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis wacana dalam penulisan karangan murid bahasa kedua berlandaskan Teori Sistemik Fungsional, Pendekatan Hipertema dan Makrotema. Sebanyak 91 buah karangan murid bahasa kedua telah dianalisis melibatkan 2013 ayat dan 501 perenggan dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengaplikasian Tema Ideasional dalam unit perenggan pendahuluan, isi dan kesimpulan melibatkan proses-perihal, proses-lakuan, manakala pemanfaatan unsur keadaan-lokasi dan keadaan-peranan lebih diutamakan dalam unit pendahuluan tetapi unsur keadaan-lingkungan dan keadaan-sebab melibatkan unit isi dan kesimpulan. Seterusnya, pemanfaatan Tema Interpersonal, bagi unit pendahuluan melibatkan aplikasi unsur kata tanya, unit isi dan kesimpulan pula melibatkan unsur komen. Strategi Tekstual bagi unit pendahuluan melibatkan pemanfaatan unsur penghubung tambahan, unit isi melibatkan pemanfaatan unsur penghubung musabab dan unit kesimpulan melibatkan pemanfaatan unsur penghubung tempoh. Selain itu, strategi peribahasa sebagai hipertema dimanfaatkan dalam unit pendahuluan, isi dan kesimpulan sebagai perantai idea dan unsur kausatif, manakala peribahasa sebagai strategi makrotema dimanfaatkan dalam unit pendahuluan dan kesimpulan sebagai perwakilan idea, perumus pembuktian dan perumus ikatan. Bagi analisis pengupayaan jenis Tema pula, murid sering memanfaatkan Tema Bertanda dengan mengutamakan gabungan Tekstual dan Ideasional untuk memulakan ayat. Hasil kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh pengamal pendidikan khususnya guru Bahasa Melayu bagi menambah baik kaedah pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan untuk murid bahasa kedua. Guru dan murid juga berpeluang untuk memahami pengaliran idea secara sistematik dan dapat menyalurkan maklumat bagi mengenal pasti permasalahan dalam penulisan karangan.





DISCOURSE ANALYSIS IN ESSAY WRITING AMONG SECOND LANGUAGE STUDENTS

ABSTRACT

This study aims to analyse the discourse and essay writing of second language students based on Systemic Functional Theory, Hypertheme and Makrotheme Approach. A total of 91 second language students' essays involving 2013 verses and 51 paragraphs has been analysed using content analysis approach. The results show that the use of this Ideational Theme in the paragraph unit of introduction, body and conclusion including the process-rational and the process-material, while the benefits of the circumstance-location and circumstance-roles are preferable in the introduction unit but the elements of circumstance-contingency and circumstance-roles constitute of the units of body and conclusion. Furthermore, the use of Interpersonal Theme for the introduction unit involves the application of words of question, while the unit of body and conclusion involve the modal-adjunct. The Textual strategy for the introduction unit contains added connector; the body unit contains cause connector; and the conclusion unit encapsulates temporal connector. Besides, a hyper-theme proverb strategy used in the introduction, body and conclusion unit acts as a chain of ideas and causative elements, while the macro-theme proverb strategy utilized in the introduction and conclusion unit acts as the idea representative, evidence and formulator of topic bonding. In the analysis of Theme category, the students often use Marked Theme and they prefer the combination of Textual and Ideational Theme to start their sentences. The findings are expected to be used by educational practitioners especially the Malay Language teacher to enhance their teaching and learning method in essays writing for the second language students. Teacher and student stand a chance to understand the materialisation of idea systematically and channel the information in order to identify problems in essays writing.



**KANDUNGAN****Muka surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	-----------

PENGHARGAAN	iii
--------------------	------------

ABSTRAK	iv
----------------	-----------

ABSTRACT	v
-----------------	----------

KANDUNGAN	vi
------------------	-----------

SENARAI JADUAL	xi
-----------------------	-----------

SENARAI RAJAH	xiii
----------------------	-------------



SENARAI SINGKATAN/SIMBOL/TATANAMA	xiv
--	------------

SENARAI LAMPIRAN	xv
-------------------------	-----------

BAB 1 PENDAHULUAN	1
-----------------------------	----------

1.1 Pengenalan	1
-------------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	8
------------------------------	---

1.3 Permasalahan Kajian	11
----------------------------	----

1.4 Tujuan Kajian	17
----------------------	----

1.4.1 Objektif Kajian	17
--------------------------	----

1.4.2 Soalan Kajian	18
------------------------	----

1.5 Kepentingan Kajian	18
---------------------------	----

1.6 Batasan Kajian	22
-----------------------	----



1.7	Kerangka Teori Kajian	22
1.7.1	Teori Sistemik Fungsional	26
1.7.1.1	Konsep Tema	29
1.7.1.2	Kriteria Tema	32
1.7.1.3	Metafungsi Bahasa	36
1.7.2	Peribahasa	51
1.8	Pengertian Konsep	53
1.8.1	Penulisan Karangan	53
1.8.2	Wacana	58
1.8.3	Murid Bahasa Kedua	59
1.9	Rumusan	60

BAB 2 SOROTAN KAJIAN 62

 05-4506832
  pustaka.upsi.edu.my
 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
  PustakaTBainun
  ptbupsi

2.1	Pengenalan	62
2.2	Prespektif Kajian Tema	64
2.2.1	Kajian Aplikasi Tema	65
2.2.2	Kajian Aplikasi Organisasi	74
2.2.3	Kajian Ketekstualan Peribahasa	86
2.2.4	Kajian Kepelbagaian Konstruk Tema	91
2.2.5	Kajian Aplikasi Pedagogi	97
2.3	Fokus Kajian Ini : Fungsional Deskriptif	108
2.4	Kesimpulan	110

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 112

3.1	Pengenalan	112
-----	------------	-----

3.2	Kaedah Kajian	112
3.3	Mengapa data penulisan karangan Percubaan SPM di SMJK dipilih?	114
3.4	Data Wacana	117
3.5	Teori dan Pendekatan Analisis Fungsional Deskriptif	119
3.6	Tatacara Penjanaan Data	120
3.6.1	Menganalisis Jumlah Ayat dan Perenggan	121
3.6.2	Mengkategorikan Tema Rema (Unit – T)	122
3.6.3	Pengklasifikasian Metafungsi Bahasa	124
3.6.3.1	Pencirian Tema Tekstual	125
3.6.3.2	Pencirian Tema Interpersonal	127
3.6.3.3	Pencirian Tema Ideasional	129
3.6.3.4	Pencirian Jenis Tema	131
3.6.3.5	Pencirian Unsur Peribahasa	133
3.7	Proses Menulis Dapatan	137
3.8	Kesimpulan	138
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	139
4.1	Pengenalan	139
4.2	Sistem Metafungsi dalam Penulisan Murid Bahasa Kedua	142
4.2.1	Amalan Wacana Ideasional	144
4.2.1.1	Strategi Pendahuluan	144
4.2.1.2	Strategi Isi	160
4.2.1.3	Strategi Kesimpulan	175
4.2.2	Amalan Wacana Interpersonal	185
4.2.2.1	Strategi Pendahuluan	186
4.2.2.2	Strategi Isi	190
4.2.2.3	Strategi Kesimpulan	194

4.2.3	Amalan Wacana Tekstual	197
4.2.3.1	Strategi Pendahuluan	198
4.2.3.2	Strategi Isi	201
4.2.3.3	Strategi Kesimpulan	205
4.3	Peribahasa Sebagai Tema	208
4.3.1	Peribahasa Mewakili Fungsi HiperTema	211
4.3.1.1	Peribahasa Sebagai Unsur Kausatif	211
4.3.1.2	Peribahasa Sebagai Perantai Idea	213
4.3.2	Peribahasa Mewakili Fungsi Makrotema	216
4.3.2.1	Peribahasa Sebagai Perwakilan Idea	217
4.3.2.2	Peribahasa Sebagai Perumus Ikatan	218
4.3.2.3	Peribahasa Sebagai Perumus Pembuktian	220
4.4	Keupayaan Pengemukaan Jenis Tema	223
4.4.1	Tema Tidak Bertanda	224
4.4.2	Tema Bertanda	225
4.4.3	Tema Majmuk (Bertanda)	228
4.5	Ketaknalaran dalam Penulisan Karangan Murid Bahasa Kedua	231
4.5.1	Kekeliruan Pemilihan Tema Tekstual	232
4.5.2	Binaan Tema Tidak Lengkap	233
4.5.3	Kekeringan Tema Tekstual	234
4.5.4	Pengulangan Tema Tekstual	235
4.5.5	Kekaburan Makna (Tema dan Rema)	237
4.6	Kesimpulan	238
BAB 5	PERBINCANGAN DAN RUMUSAN	239
5.1	Pengenalan	239



5.2	Korelasi Elemen Penulisan Murid Bahasa Kedua	242
5.3	Dapatan Baharu : Kemampuan Kajian Fungsional Deskriptif Untuk Memperjelas Wacana Penulisan Karangan Murid	252
5.4	Cadangan Kajian Lanjut	255
5.5	Penutup	256
RUJUKAN		258
LAMPIRAN		273



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
1.1	Sempadan Asas Tema dan Rema	32
1.2	Tema Tidak Bertanda	33
1.3	Tema Bertanda	34
1.4	Tema Majmuk (Bertanda)	34
3.1	Jumlah Data Karangan	121
3.2	Jumlah Binaan Ayat dan Perenggan	122
3.3	Jadual Klasifikasi Metafungsi Bahasa	124
3.4	Tema Tekstual dan Contoh Perkataan	125
3.5	Subsistem Penanda Wacana	126
3.6	Tema Interpersonal dan Contoh Ayat	128
3.7	Jenis Kata Perintah	128
3.8	Jenis Proses dan Contoh Ayat	130
3.9	Jenis Keadaan dan Contoh Ayat	131
4.1	Inventori Pemetaan Ekspresi Metafungsi Bahasa Murid Bahasa Kedua	143
4.2	Unsur Keadaan dalam Unit Pendahuluan	159
4.3	Unsur Keadaan dalam Unit Isi	174
4.4	Unsur Keadaan dalam Unit Kesimpulan	184
4.5	Jenis Kata Perintah dalam Unit Pendahuluan	190
4.6	Jenis Kata Perintah dalam Unit Isi	194



4.7	Jenis Kata Perintah dalam Unit Kesimpulan	197
4.8	Kategori Penanda Penghubung dalam Unit Pendahuluan	200
4.9	Kategori Penanda Penghubung dalam Unit Isi	204
4.10	Kategori Penanda Penghubung dalam Unit Kesimpulan	208
4.11	Fungsi Peribahasa dalam Unit Penulisan Karangan	210
4.12	Senarai Peribahasa sebagai Hipertema dalam Perenggan	215
4.13	Senarai Peribahasa sebagai Makrotema dalam Perenggan	222
4.14	Jenis Tema Pilihan Murid Bahasa Kedua	224
4.15	Jenis Gabungan Tema Majmuk (Bertanda)	228
4.16	Ketaknalaran dalam Penulisan Karangan	232



**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka surat
1.1.	Kerangka Teori Kajian	24
1.2.	Kriteria Tema	36
1.3.	Metafungsi Bahasa	50
2.1.	Permasalahan Kajian Lalu dan Cadangan Penyelesaian	110
5.1.	Strategi Metafungsi Bahasa Penulisan Karangan Murid Bahasa Kedua Berdasarkan Unit Perenggan	244
5.2.	Fungsi Peribahasa dalam Unit Penulisan Karangan Murid Bahasa Kedua	249
5.3	Strategi Penulisan Karangan Murid Bahasa Kedua	254





SENARAI SINGKATAN/SIMBOL/TATANAMA

PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SFL	Systemic Fungsional Linguistics
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia





SENARAI LAMPIRAN

- A Contoh Soalan
- B Surat-surat Kebenaran
- C Pemetaan Analisis Metafungsi dalam Penulisan Karangan
- D Data Karangan





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Guru selalunya gagal mengajarkan dan menerangkan kepada murid cara untuk menyusun atur maklumat dalam penulisan supaya menjadi ayat yang bersistematik (Fries, 1997). Hal ini demikian kerana menulis merupakan proses membina koheren (Suzhen, Yongjia & Yuanyuan, 2009) dan memerlukan kemahiran kognitif yang kompleks untuk guru dan murid menguasainya (Che Zanariah & Fadzilah, 2011) lantaran menulis juga merupakan kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai (Nik Safiah Karim, 2004; Abdul Shukor Shaari, 2001). Mutakhir ini, terdapat satu konsep yang mampu menyediakan jalan keluar kepada perkara tersebut, iaitu melalui Struktur Tema (Halliday, 1985, 1994). Namun, konsep ini masih baharu untuk diterokai di negara ini dalam usaha merungkai fenomena penulisan karangan murid dan perlu diperluas sejajar dengan kepentingan penghasilan penulisan karangan yang





berketerjalinan. Kajian tentang Tema dan Rema atau tentang aliran Tematik (aliran maklumat) sudah dimulai sejak abad ke-19 oleh pakar linguistik Weil (1818-1909) yang mengkaji titik awal dalam ujaran. Seterusnya, aliran Tematik diperkenalkan lebih mendalam berdasarkan *functional sentence perspective* (perspektif fungsi ayat) oleh ahli linguistik Prague (Czech), iaitu Mathesius dan Firbas sekitar tahun 1950 sebelum dikembangkan oleh Halliday (1985, 1994, 2004). Menurut mereka, bahasa bukan distrukturkan oleh keperluan sintaksis malah oleh keperluan komunikasi.

Oleh itu, untuk mencapai tujuan tersebut ayat yang disusun dan dipilih perlulah bermaklumat, iaitu pengemukaan maklumat baharu (*new*) kepada penerima teks dan relevan, iaitu wujud pertalian antara maklumat baharu dengan maklumat yang sedia diketahui oleh penerima wacana, maklumat lama (*given*). Pendekatan ini,



terbina daripada unsur tema (*theme*) dan rema (*rheme*) (Halliday, 1994). Unsur ini pula menitikkan satu kaedah penelitian struktur bahasa yang dikenali sebagai metafungsi bahasa dan terbukti sebagai medium yang mampu menganalisis dan menzahirkan struktur bahasa secara berpada (Martinez, 2003) serta memiliki keupayaan untuk membantu guru untuk mengesan dan mendiagnosis kelemahan dalam penulisan murid (Guan, 2009).

Dalam kajian ini, teori *Systemic Functional Linguistic* (SFL) yang dikembangkan oleh Halliday (1985, 1994) menjadi landasan utama untuk menganalisis struktur tema penulisan karangan murid. Perkara ini direalisasikan dengan penelitian terhadap unsur Tema (metafungsi) yang dihasilkan oleh murid. Menurut Halliday (1994), Tema merupakan titik permulaan dalam landasan ayat





sebelum bahagian ayat seterusnya diperkenalkan, iaitu Rema. Halliday (1985 hlm. 30), mendefinisikan Tema sebagai :

“Element which serves as the point of departure of the message and what the speaker has in mind to start with. It is the element in a particular structural configuration taken as whole, organizes the clause as a message. The remainder of the message is called the rheme. Therefore, a clause consists of a theme combined with a rheme and the sentence is expressed by order. The order is theme followed by rheme”.

Kajian pentemaan ini lahir berdasarkan penelitian bahawa bahasa berfungsi menyampaikan makna secara bersistem. Hal ini bermakna bahasa mempunyai aturan agar dapat menyampaikan makna dengan susunan yang tinggi nilai kebolehbacaannya hingga mendapat perhatian daripada pembaca. Fungsi ini juga disebut sebagai fungsi tekstual, kerana Tema merupakan titik pesan dalam ayat (Sanat, 2002). Tema juga diteliti sebagai aspek major, iaitu cara bagaimana penulis atau penutur itu mengkonstruksikan mesej agar dapat memastikan ia lancar untuk mengembangkan makna (Thompson, 1996). Oleh itu, dalam menelaah makna bahasa, Halliday (1994) telah membahagikan Tema kepada tiga metafungsi bahasa, iaitu Tema Ideasional, Tema Interpersonal dan Tema Tekstual (dijelaskan dalam subtopik 1.7).

Dengan bertitik tolak daripada itu, Tema juga dikenali sebagai topik yang dibicarakan dan Rema adalah fokus penjelasan tentang Tema (Sinar, 2003). Konsep tema ini diertikan oleh Brown dan Yule (1983) sebagai tematik dalam mengorganisasikan teks yang dibahagikan kepada dua subentri, iaitu *Thematization and Staging*. Brown dan Yule (1983, hlm. 133) menjelaskan:





'...thematization as a discoursal rather than simply a sentential process. What the speaker or writer puts first will influence the interpretation of everything that follows.'

Dengan berdasarkan kenyataan tersebut, tematik dikategorikan sebagai wacana yang melebihi proses dalam ayat. Hal ini bermakna, idea pembicara atau penulis akan mempengaruhi interpretasi berikutnya. Perkara ini berkaitan dengan cara mesej atau maklumat dilanjutkan atau sebaliknya pada sesuatu ayat atau klausa dalam teks yang terbina (Rohaidah Haron, 2012). Sementara itu, Brown dan Yule (1983 hlm. 134), turut menjelaskan konsep *staging* sebagai *'a more general, more inclusive term than thematization (which refer only to the organization of texts) is staging*. Sesungguhnya, konsep *staging* menumpukan makna lebih mendalam daripada Tematik, iaitu merujuk kepada susunan teks.



Dalam kajian ini, penelitian terhadap sistem pentemaan ditumpukan terhadap aspek kemahiran menulis yang amat signifikan dengan entri yang berkaitan dengan menyampaikan idea, fikiran, pengetahuan dan maklumat. Untuk memastikan seseorang penulis itu mampu menulis dengan berkesan mereka seharusnya memiliki pengetahuan tentang 'apa' yang hendak ditulis selain teknik mengorganisasikan ayat (Ebrahimi dan Ebrahimi 2012b; Katharina, 2011). Hal ini sesuai dengan pandangan Fries (1997) bahawa penutur natif dan bukan natif sering menghadapi masalah dalam menyusun ayat menjadi perenggan lengkap. Sehubungan dengan itu, Fries (1997), menyarankan cara yang boleh membantu masalah ini adalah dengan memberi perhatian kepada struktur tematik yang dibina kerana memperlihatkan ciri koheren yang perlu ada dalam sesebuah penulisan yang efektif (Halliday 1994; Wang 2007; Ebrahimi & Ebrahimi 2012b). Perkara ini dapat direalisasikan melalui analisis secara





berpada yang melibatkan unit perenggan dibina oleh murid bahasa kedua. Selain itu, Halliday dan Hassan (1976) menyatakan bahawa sesebuah teks tidak dianggap koheren selagi tidak memenuhi dua syarat keterjalinan yang meliputi kombinasi Tema dan Rema yang penting dalam menjadikan sesebuah penulisan mencapai tahap kebolehbacaan yang tinggi.

Secara umumnya, kecetekan pengetahuan murid tentang teknik penulisan akan mengganggu kelancaran ayat yang bakal dihasilkan dan mempengaruhi keutuhan ayat tersebut dari segi tautan makna dan pertalian sintaksis. Oleh itu, walaupun murid tahu menggunakan perkataan yang sesuai namun mereka masih kabur tentang potensi fungsi koheren dan kohesi yang sebenarnya. Menyedari hal ini, maka pengkaji meyakini bahawa amat perlunya kajian lanjut tentang aspek karangan yang memperlihatkan konstituen lebih tinggi seperti unsur Tema dan Rema dalam karangan kerana hubungan yang terbina melalui kaitan kohesi tidak mencukupi untuk mempersembahkan hubungan yang koheren dalam teks (Stotsky, 1983). Hal ini demikian kerana di samping kohesi leksikal dan kohesi gramatikal, hubungan logik antara teks juga ditentukan oleh Tema Rema (Halliday, 1994; Belmonte & McCabe 1998; North, 2005; Rusdi Noor Rosa, 2009).

Dalam hal ini, untuk memastikan murid berkebolehan untuk menulis dengan berkesan mereka perlu mempunyai kesedaran akan kaedah penyusunan idea yang bersistematik dan beraliran (Alireza, 2010; Xeunqian, 2008; Rafie & Modirksamene 2012). Kesedaran ini, mampu memberikan impak dalam penulisan karangan agar menjadi lebih sistematik (Norfaizah & Anida 2014b). Oleh itu, bagi memastikan penulisan bermaklumat, guru dan murid harus didedahkan dengan kepentingan konsep





Tema dan Rema melalui analisis pemilihan Tema (Wang, 2007; Arunsirot, 2013) agar tujuan penulisan berkesampaian dan bermakna selain mampu memperlihatkan peranannya dalam ayat. Dalam pada itu, sebagai cara untuk membantu murid meningkatkan kemahiran menulis mereka perlu disedarkan dan didedahkan tentang struktur dan corak teks yang dihasilkan (Qian, Ramirez & Harman, 2007). Hal ini demikian kerana apabila kita belajar menulis sebenarnya kita mempelajari cara untuk mengorganisasikan pengalaman, maklumat dan idea dalam bentuk yang tertentu (Christie, 1986). Perkara ini membolehkan kita untuk membina satu strategi penulisan yang lebih sistematik.

Kesignifikanan unsur Tema boleh menghasilkan sebuah penulisan yang relevan dan dapat mempamerkan strategi penulisan yang berkeupayaan memperlihatkan struktur bersistem. Sistem penulisan yang dimaksudkan menyentuh aspek dinamisme fungsi ayat sehingga menghasilkan sebuah penulisan yang memenuhi ciri-ciri wacana yang berpaduan. Oleh itu, untuk mencapai tujuan dalam penulisan atau komunikasi berkesan ayat tersebut perlulah bermaklumat (Idris Aman, 2010). Dengan kata lain, untuk meningkatkan koheren murid secara tepat, perhatian harus diberikan kepada pemilihan Tema dalam penulisan karangan ekoran murid bahasa kedua selalu mengalami masalah kerana kurang menggunakan ayat yang koheren bagi menyumbang markah dalam peperiksaan (Wang, 2007). Untuk itu, Brown dan Yule (1983) menyatakan bahawa dua kepentingan Tema-Rema i) mengekalkan koheren dengan menghubungkan semula wacana sebelumnya ii) menyediakan maklumat awal bagi membina wacana seterusnya. Selanjutnya, fokus kajian struktur Tema Rema dalam klausa boleh memberikan kesan positif dalam pengajaran penulisan yang sistematik dan guru yang berkeupayaan menunjukkan cara





terbaik dalam menguruskan Maklumat Lama (Tema) dan Maklumat Baru (Rema), mendatangkan impak terhadap strategi penulisan murid bagi mengaplikasikan alat yang boleh menguruskan erti dalam penulisan (Alireza, 2010). Selain itu, pengaplikasian teori SFL dalam menganalisis penulisan merupakan medan yang berkesan dalam mengenal pasti strategi yang dihasilkan oleh murid (Martin & Rothery, 1986).

Penyelidikan yang dilakukan dalam kajian ini adalah bertujuan untuk mendeskripsikan dan menganalisis pilihan metafungsi (Ideasional, Interpersonal dan Tekstual), peranan peribahasa sebagai tema, jenis tema dan ketaknalaran dalam penulisan karangan bagi setiap unit perenggan (pendahuluan, isi, kesimpulan). Kerangka analisis ini turut menjelaskan strategi kebahasaan yang berkisar pada



motivasi yang digembleng oleh murid dalam aspek pewacanaan yang dibina. Hal ini demikian kerana teori SFL dilihat berupaya memperjelas organisasi teks yang melibatkan pelbagai situasi supaya kita dapat menanggapi bentuk penulisan yang terhasil (Najih Imtihani, 2010). Kajian ini akan dimulakan dengan mengetengahkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, tujuan kajian dan kerangka teori seterusnya mendiskusikan konsep kajian. Selain itu, dengan menganalisis esei jenis pendapat yang ditulis oleh murid bahasa kedua, kajian ini turut mengenal pasti ciri yang didukung oleh pilihan metafungsi yang terhasil semasa membina karangan agar dapat diimplementasikan sebagai rumus dalam penulisan karangan murid bahasa kedua.





1.2 Latar Belakang Kajian

Kemahiran menulis merupakan kemahiran berbahasa tertinggi yang berkembang selari dengan kematangan otak dan pengalaman berbahasa seseorang (Hashim Othman, 2005). Oleh itu, bagi menghasilkan secebis ayat dalam penulisan, memerlukan kemahiran yang melibatkan struktur dan tatacara pembinaan ayat yang berkesan. Dalam pembinaan perenggan, pembinaan ayat topik, ayat sokongan dan kesimpulan kesemuanya melibatkan kemahiran termasuklah pemilihan kata, pembinaan ayat gramatis, penanda wacana dan sebagainya (Lagan, 1996 dalam Ekaning 2013, hlm. 134). Hal ini membuktikan bahawa, murid perlu mahir dan menguasai kemahiran ini bagi menghasilkan penulisan yang memiliki ciri keteraturan, keterkaitan dan kejituan yang signifikan dengan kehendak soalan. Menulis juga merupakan aktiviti kompleks yang memerlukan kemahiran komunikasi dan sukar dibangunkan atau dibina terutama melibatkan murid bahasa kedua (Shokpour & Hossein, 2014). Tambahan pula, penulisan karangan sebenarnya melibatkan kemahiran menulis untuk pelbagai tujuan dan konteks. Kemahiran menulis ini bukan hanya setakat membina struktur dan perbendaharaan kata sesuatu bahasa malah murid menjadi penerima yang perlu menghubungkan idea dengan konteks yang perlu dinyatakan (Aldana, 2005). Selanjutnya, setelah penulisan itu lengkap maka bebannya ‘tergantung’ pula kepada pembaca atau pemeriksa bagi menentukan sama ada teks tersebut bermakna atau tidak (Brandt, 1986).

Dalam menghasilkan sebuah penulisan yang berkesan amat perlu teks tersebut memiliki ciri-ciri kepaduan, kejelasan dan kesempurnaan yang dirangkumkan sebagai organisasi dalam teks. Menurut Khadijah (1997) dan Suzhen Ren et al. (2009), murid sering menghadapi masalah untuk membina ayat yang berkoheren dalam wacana.





Selain itu, hal lain yang turut mendapat perhatian ialah kekurangan ayat yang gramatis dan kekurangan aliran menghujahkan idea serta masalah mempertalikan ayat (Rafie & Modirksamene, 2012). Kekurangan ini juga telah dikenal pasti antara salah satu masalah utama terhadap murid bahasa kedua untuk menghasilkan penulisan yang berkesan (Bamberg, 1983). Berbangkit daripada masalah ini, perhatian harus diberikan kepada ciri yang boleh membangunkan koheren dan kohesi dalam penulisan dengan meneliti pemilihan Tema yang bertepatan dalam membentuk penulisan yang jitu. Namun begitu, pemahaman tentang konsep ini memerlukan kecekapan dan ketelitian yang tinggi dalam usaha untuk memilih dan menguasai jenis tema yang mampu menggabungkan idea dalam penulisan secara bersistematik.

Oleh itu, amat penting untuk meneliti masalah ini melalui perspektif yang berbeza dan mencadangkan pendekatan yang berkualiti untuk meningkatkan kejayaan penulisan karangan yang bermutu terutama dalam kalangan murid bahasa kedua. Salah satu cara yang berkesan adalah melalui penyelidikan struktur tematik sebagai rangka konsep untuk menganalisis dan mengajarkan koheren dan kohesi dalam wacana (Fries, 1994; Martin, 1995; Wang, 2007; Xuenqian, 2008; Liu Jingxia & Liu Li, 2013; Arunsirot, 2013). Hal ini demikian kerana fungsi Tema dan Rema boleh menjadi kriteria yang berguna untuk penulis sebagai alat mengasingkan idea dan membina idea yang lebih berkoheren dalam penulisan (Rafie & Modirksamene, 2012). Dalam hal ini, bahasa dianggap bukan sebagai peraturan tetapi sumber yang memberi makna secara bersistematik (Lock, 1996; Bloor & Bloor, 2004).

Secara khususnya, perkara penting dalam penulisan bukan masalah dalam membina ayat mudah tetapi menjadi lebih serius apabila hendak mengkombinasikan





ayat mudah tersebut (Ostrom & Cook, 1993). Sehubungan dengan itu, selain daripada menguasai kemahiran menstrukturkan ayat dalam perenggan, murid juga perlu memiliki keupayaan untuk memproduksi unsur kohesi dan koheren dalam perenggan melalui penelitian metafungsi bahasa. Dengan kata lain, kemahiran yang tinggi diperlukan oleh setiap guru bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan warganegara yang berketrampilan dalam berbahasa. Hal ini demikian kerana, masalah pengajaran dan pembelajaran (PdP) penulisan yang diajarkan oleh guru sering menekankan unsur tatabahasa, pemilihan kata, dan sintaksis yang tidak melebihi tingkat wacana sehingga menyebabkan sehingga murid sukar mengawal selia penulisan secara teratur (Liu & Liu, 2013). Tambahan pula, guru juga sering menumpukan perhatian terhadap ‘hasil karangan’ daripada proses mengarang itu sendiri, iaitu fokusnya lebih kepada penulisan isi berbanding strategi mengarang (Zamel, 1982; Marohaini & Zulkifli, 1997; Petit, 2002). Perkara ini diparahkan lagi dengan ketidakupayaan penguasaan bahasa oleh murid bahasa kedua (Cina) untuk menulis secara bersistematik (Abdul Rasid Jamian, 2011). Perkara yang sama juga ditemui dalam kalangan murid bahasa kedua yang melibatkan kelemahan dalam pengorganisasian penulisan termasuk penggunaan penanda wacana dan persembahan unsur koheren atau kohesi yang statik (Nasrin & Mohammad, 2014). Selain itu, masalah ini sudah menjadi satu kebiasaan apabila kebanyakan murid hanya mengutamakan fokus terhadap unsur leksikal dan pembinaan ayat berbanding tingkat wacana (Daisy, 2006). Sesuai dengan pandangan Yahya Othman (2005), pengajaran kemahiran menulis bukan hanya bergantung pada bakat daripada guru malah penguasaan peringkat asas dimulakan dengan mengenal huruf, perkataan dan ayat hingga kejayaannya dapat membina wacana yang dapat difahami pembaca.





1.3 Permasalahan Kajian

Dengan berdasarkan pengamatan pengkaji berkaitan masalah dalam penulisan karangan Bahasa Melayu dalam kalangan murid bahasa kedua walaupun begitu banyak diperkatakan oleh pelbagai pihak, namun isunya masih belum jelas sama ada menyentuh soal tatabahasa, unsur koheren atau kohesi, kaedah pengajaran mahupun motivasi murid atau guru. Dengan melihat akan kepentingan dan pergolakan ini, kajian yang mengetengahkan unsur Tema dan Rema dalam penulisan karangan murid harus diberi perhatian kerana manfaatnya dalam membantu peningkatan penguasaan penulisan karangan murid dan menambah info kepada guru akan pentingnya pemahaman analisis Tema Rema dalam penulisan (Norfaizah, Anida & Idris 2014a). Berry (1989) (dalam Ebrahimi, 2012c hlm. 138) yang mengkaji hasil penulisan karangan murid sekolah yang menyatakan bahawa pilihan Tema penting untuk menjayakan teks, dan penulis bakal gagal jika tidak sedar akan keperluan untuk memilih maklumat pertama yang tepat dalam teks. Tambahan pula, analisis yang didasarkan oleh teori SFL mampu menyumbang terhadap pemaknaan yang lebih komprehensif terhadap disiplin penulisan yang dihasilkan oleh murid (Ignatieva, 2012). Oleh itu, analisis teks murid amat penting dilakukan oleh setiap guru untuk memahami dan mengenal pasti kemampuan mereka dalam menghasilkan penulisan (Lock, 1996) selain kajian sebegini juga mustahak bagi membantu guru untuk menyelesaikan masalah murid semasa menulis (Emilia, 2005).

Dengan bertitik tolak daripada masalah dalam konteks penulisan, pemfokusan amat perlu diberikan terhadap pemilihan Tema dalam setiap unit perenggan penulisan. Antara kepentingan kajian aliran Tema dan Rema ialah kemampuannya dijadikan

